

→ HARI BOMBA SEDUNIA 2017



Basikal bomba yang pernah digunakan suatu ketika dahulu mengembalikan nostalgia.



Sultan Nazrin pada Majlis Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2017 di hadapan Dewan Bandaran Ipoh, semalam.

Titah hormati, hormati bomba

➔ Sultan Nazrin gariskan lima perkara perkasanya perkhidmatan, tambah baik kebajikan kakitangan

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim, Wan Noor Hayati Wan Alias dan Farah Suhaidah Othman
bhnews@bh.com.my

► Ipoh

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah, menghormati dan menghormati adalah kata kunci yang perlu dijadikan tunggak sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia yang diraikan setiap 4 Mei bagi mengenang jasa anggota pasukan itu yang menggalas tugas berbahaya dan berisiko.

Baginda bertitah, menghormati dan menghormati anggota bomba tidak cukup sekadar menganugerahkan pingat, sijil dan cenderamata, ucapan dan surat pujian serta tidak terbatas kepada program berbentuk perbarisan, pameran, persembahan budaya atau jamuan semata-mata.

"Sambutan Hari Anggota Bomba lebih bermakna jika diisi acara berunsur spiritual dan ilmu, berupaya meningkatkan penghayatan masyarakat dan apresiasi negara serta dilengkapi program yang dapat memberikan impak bermakna, berupaya membawa perubahan substantif kepada perkhidmatan yang memberikan manfaat jangka panjang kepada anggota dengan menyentuh lima perkara," titah baginda.

Baginda bertitah demikian ketika melancarkan sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2017 peringkat

kebangsaan bertemakan 'Bomba Tonggak Penyelamatan Negara', di sini semalam.

Yang turut berangkat, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim; Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa; Raja Puan Besar Perak, Raja Nor Mahani Raja Shahar Shah serta Raja Dihilir Perak, Raja Iskandar Dzulkarnain Sultan Idris Shah dan Raja Puan Muda Perak, Tunku Soraya Sultan Abdul Halim.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir dan isteri, Datin Seri Saripah Zulkifli; Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar dan Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM), Datuk Wira Wan Mohd Nor Ibrahim.

Perkhidmatan pasukan bomba
Berikut lima perkara yang digariskan oleh Sultan Nazrin berhubung soal perkhidmatan pasukan bomba.

Pertama, merekayasa program latihan dan tatacara operasi yang dapat meningkatkan tahap profesional anggota.

Kedua, mengenal pasti peralatan terkini yang diperlukan dalam menghadapi cabaran senario semasa untuk membolehkan perkhidmatan yang lebih efektif dapat diberikan.

Ketiga, menilai prosedur operasi dan kelengkapan yang perlu dibekalkan untuk meminimumkan risiko anggota ketika menjalankan tugas.

Keempat, merangka pakej perkhidmatan dan program kebajikan anggota bukan saja ketika berkhidmat tetapi yang lebih penting pada usia tua persaraan, setimpal dengan tahap pengorbanan, beban tanggungjawab dan risiko yang dihadapi oleh anggota.

Kelima, meningkatkan kesedaran negara dan masyarakat mengenai pengorbanan ahli bomba agar negara dan masyarakat memberikan apresiasi yang lebih tinggi kepada ahli bomba ketika dalam perkhidmatan dan setelah bersara daripada perkhidmatan.

"Beta menyaksikan sendiri anggota bomba menjalankan pelbagai operasi penyelamat di Perak dan amat menghargai komitmen dan dedikasi serta semangat bekerja setiap anggota.

"Ketika melaksanakan tugas, anggota menunjukkan sifat pengorbanan, sifat keinsanan dan sifat kemanusiaan yang tinggi," titah baginda.

Sementara itu, Noh berkata, JBPM akan memperoleh aset terbaru, iaitu 20 unit kenderaan Aerial Ladder Platform Turn Table (ALPT) jenis Scania keseluruhan bernilai RM60 juta.

Satu unit kemudahan itu yang bernilai RM3 juta sudah diterima dan turut dipertontonkan pada perbarisan semalam, manakala 19 unit lagi akan diterima kemudian.

"Selain itu, sebanyak 30 balai bomba sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan sebagai tambahan kepada 284 balai bomba sedia ada," katanya.



Skuad Bomba Sekolah Pondok antara yang menyertai perbarisan Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2017 di Ipoh, semalam.



Demonstrasi oleh Pasukan Khas Taktikal Operasi Penyelamat Malaysia (STORM) Jabatan Bomba dan Penyelamat.